

# **KONSEP KENDIRI (Part 2)**

Azizi Hj Yahaya

## **Konsep Kendiri Remaja**

Soalan “siapakah aku?” begitu ketara dalam kalangan remaja kerana mereka berada pada masa peralihan di antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Kedudukan itu menimbulkan kebingungan tentang diri mereka kerana peranan yang diberi sering kali berubah dan kadangkala bercanggah dengan kehendak mereka. Perlakuan mereka terpaksa disesuaikan dengan peranan sebagai anak, pelajar, pekerja dan keadaan iaitu di rumah, di sekolah dan di pejabat.

Konsep kendiri merupakan keseluruhan persepsi seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada berbentuk deskriptif atau berupa penilaian secara kognitif. Dengan lain perkataan, konsep kendiri adalah proses penerimaan seseorang individu terhadap dirinya sendiri yang terhasil dari pandangan orang lain. Sekiranya seseorang itu menganggap dirinya adalah positif, bermakna tingkah laku dan emosi orang tersebut juga adalah positif. Salah satu daripada kesan konsep kendiri ialah ke atas pencapaian akademik.

Konsep kendiri di kalangan remaja merangkumi tiga aspek. Pertama, bagaimana remaja melihat dirinya. Kedua, bagaimana remaja mahu dirinya dilihat. Ketiga, bagaimana remaja mempamerkan dirinya kepada orang lain.

Aspek yang pertama agak kompleks kerana remaja melihat dirinya dari sudut status sosial (umur, jantina, sosioekonomi dan taraf pekerjaan), gelaran sosial (macho, cun, girlish, tomboyish), penyertaan sesuatu kumpulan (dakwah, politik, asal usul) dan penyambungan ego (empunya kebendaan).

Aspek kedua mempunyai tiga elemen yang diidami oleh para remaja. Pertama ialah imej sempurna yang sering kali membawa remaja kealam khayalan. Contohnya remaja begitu asyik dengan kejayaan orang lain dan mahukan kejayaan itu mereka perolehi seperti Perdana Menteri.

Kedua, imej kerelaan yang mendorong remaja berusaha untuk memperolehnya seperti mendapat segulung ijazah, memperoleh pekerjaan yang stabil, memilih sendiri pasangan hidup yang mempunyai beberapa ciri yang sememangnya diidam-idamkannya.

Ketiga, imej moral yang mengandungi mesej bagaimana mereka harus berfikir dan bertingkah laku bersesuaian dengan kehendak dan keperluan norma setempat supaya kehadiran mereka dapat diterima dengan positif.

Aspek yang terakhir ialah tingkah laku mereka yang sebenarnya. Ini bererti unsur-unsur khayalan dan harapan yang ditentukan oleh persekitaran tidak memberi sebarang pengaruh. Remaja mempamerkan dirinya yang sebenar atau yang seadanya.

Dengan wujudnya tiga aspek itu, remaja semakin keliru serta masih mencari-cari identiti diri. Kadangkala mereka lebih terpengaruh dengan apa yang diperkatakan oleh orang lain tentang diri mereka. Pada masa yang lain, mereka lebih cenderung meniru personaliti orang yang diminati. Tatkala inilah remaja mulai putus asa kerana mereka tidak dapat mencari identiti sebenar kerana ia merupakan persoalan pokok dalam mengenali diri. Akhirnya remaja berada dalam kelemasan kerana soalan “siapakah aku?” masih belum lagi terjawab atau jawapannya tidak begitu jelas. Seandainya konsep kendiri begitu kabur, remaja tidak dapat berhadapan dengan beberapa cabaran hidup apatah lagi untuk menanganinya.

Zaman remaja merupakan zaman mencari identiti dan penuh emosi. Remaja mula memikirkan siapa diri mereka dan kemana hendak dituju. Terdapat empat pengaruh utama yang mengesani peribadi dan tingkah laku remaja:

CONTINUE...